



Ruj. Kami : KPM.100-6/1/23 JLD 2 (25)

Tarikh : 07 Januari 2020

11 Jamadil Awal 1441H

**Semua Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Negeri.**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

MAKLUMAN AKTIVITI DAKWAH PERINGKAT KEBANGSAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2020

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Bahagian Pendidikan Islam telah mengambil keputusan bahawa aktiviti dakwah dan syiar Islam yang akan dilaksanakan di peringkat kebangsaan bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:

- 2.1 Mahrajan Al-Quran Sekolah-sekolah (MQSS) KPM
- 2.2 Mahrajan Lughawi wa Qurani Sekolah-sekolah (MALQUSS) KPM
- 2.3 Nadwah Kepemimpinan Islam Sekolah-sekolah (NKISS) KPM
- 2.4 Festival Kesenian Islam Sekolah-sekolah (FKISS) KPM
- 2.5 Karnival Fitrah Murid Orang Asli (KAFOA)

3. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan segala maklumat dan syarat pertandingan akan dimaklumkan dalam masa terdekat. Bersama ini dilampirkan butiran pelaksanaan aktiviti berkenaan beserta negeri pengelola.

4. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian.

"AKIDAH MAMPAN INSAN CEMERLANG"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HJ. HASSAN NUDIN BIN A. HAMID)

Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO : AR 4373

**AKTIVITI DAKWAH PERINGKAT KEBANGSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2020**

Bil	Aktiviti	Tarikh	Pengelola
1	Nadwah Kepemimpinan Islam Sekolah-sekolah KPM	10-13 April	JPN Pahang
2	Mahrajan Al-Quran Sekolah-sekolah (MQSS) KPM 2.1 Tilawah Al-Quran Sekolah Rendah (Lelaki / Perempuan) 2.2 Tilawah Al-Quran Sekolah Menengah (Lelaki / Perempuan) 2.3 Hafazan Al-Quran Sekolah Rendah (Lelaki/ Perempuan) 2.4 Hafazan Al-Quran Sekolah Menengah (Lelaki / Perempuan) 2.5 Hafazan Al-Quran Terbuka (Juzuk 1- 15 / Juzuk 1 – 30) 2.6 Daie Cilik Sekolah Rendah (Lelaki / Perempuan)	26-29 Jun	JPN Melaka
3	Festival Kesenian Islam Sekolah-sekolah (FKISS) KPM 3.1 Nasyid Sekolah Rendah 3.2 Nasyid Sekolah Menengah 3.3 Khat Sekolah Rendah & Menengah	10-13 Julai	JPN Terengganu
4	Mahrajan Lughawi wa Qurani Sekolah-sekolah (MALQUSS) KPM 4.1 Qiraatus Sab'ie bit Tarannum (Menengah Rendah /Menengah Atas) 4.2 Hiwar (Menengah Rendah/ Menengah Atas) 4.3 Eksplorasi Ilmu (Bahasa Arab, Ilmu Wahyu) (Menengah Rendah/ Menengah Atas) 4.4 Mimbar Daie Bahasa Melayu Sekolah Menengah (Lelaki/Perempuan) 4.5 Mimbar Daie Bahasa Mandarin Sekolah Menengah (Lelaki/Perempuan)	13-16 Ogos	JPN Johor
5	Karnival Fitrah Murid Orang Asli (KAFOA) 5.1 Tilawah Al-Quran (Lelaki & Perempuan) 5.2 Hafazan Al-Quran (Lelaki & Perempuan) 5.3 Bercerita kisah dari Al-Quran (Lelaki & Perempuan) 5.4 Nasyid 5.5 Azan & Iqamah	25-28 Sept	JPN Kelantan

* Syarat dan garis panduan pelaksanaan aktiviti dakwah peringkat kebangsaan tahun 2020 boleh dimuat turun dari laman web rasmi KPM : <http://moe.gov.my/>